



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 JULY 2017

'Dr M diperalat Anwar, Kit Siang'

BH-28/7/2017 pg. 26

➔ Pengerusi PPBM tidak mungkin jadi calon PM pembangkang

Oleh Nursyahirah Marzuki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Tun Dr Mahathir Mohamad tidak mungkin dibenarkan menyanggah jawatan Perdana Menteri lagi kerana dosanya kepada Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penasi-

hat DAP, Lim Kit Siang, terlalu besar untuk dimaafkan.

Sebaliknya, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata dua tokoh pembangkang itu hanya mengambil kesempatan untuk memeralatkan Dr Mahathir selaku Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bagi melakukan serangan terhadap UMNO.

Banyak buat tuduhan

"Dosa Dr Mahathir (ketika menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO) kepada dua ahli pembangkang ini terlalu besar dan saya tidak fikir mereka (Anwar dan Kit Siang) boleh memaafkan begitu sahaja.

"Beliau (Dr Mahathir) ba-

nyak membuat tuduhan terhadap mereka dan keluarga," katanya selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Sijil Kemahiran Malaysia Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (SKM-PPT), di sini semalam.

Ismail, yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berkata pembangkang tidak mungkin memilih Pengerusi PPBM itu sebagai Perdana Menteri tetapi hanya mahu memeralatkannya bagi mengkritik UMNO.

"Kedua-dua tokoh ini hanya menggunakan Dr Mahathir sebagai senjata pembangkang untuk menyerang UMNO dan sebab itulah kita lihat Dr Mahathir kini lebih banyak melakukan serangan," katanya.